

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PEJABAT PELABUHAN
PULAU PINANG

Disediakan Oleh:

HAFIZAH BINTI MEOR OSMAN
Sarjana Muda Pengurusan (Maritim)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada:

Jabatan Pengurusan Dan Pernegerian
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

2006

CH:2280

1100046852

LI 11 FPE 2 2005



1100046852

Laporan akhir latihan industri di Pejabat Pelabuhan Pulau Pinang / Hafizah Meor Osman.

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN UMT

11
FDE
2
2805

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI PEJABAT PELABUHAN PULAU PINANG

Disediakan Oleh

**HAFIZAH BT MEOR OSMAN
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(MARITIM)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)**

2005

1100046852

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya, HAFIZAH BINTI MEOR OSMAN mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Kustem tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama : Hafizah binti Meor Osman

Tarikh : Oktober 2005

Disahkan Oleh :



Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

PENGHARGAAN

Program Latihan Industri diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelatih tentang dunia sebenar pekerjaan. Selain itu, ia juga melatih pelatih untuk berdepan dan berkomunikasi dengan pelbagai pihak sepanjang menjalani latihan praktikal. Pelatih juga dapat mengaplikasikan ilmu yang telah dipelajari di kuliah dalam realiti alam pekerjaan yang sebenarnya.

Pelatih ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) kerana memberi peluang berharga ini kepada pelatih untuk mengikuti Program Latihan Industri selama dua belas minggu. Pelatih juga ingin berterima kasih terutama sekali kepada Penolong Pegawai Laut iaitu En. Roslan b. Ismail selaku penyelia organisasi kerana sudi menerima dan memberi tunjuk ajar kepada pelatih sepanjang menjalani Latihan Industri di jabatan mereka. Pelatih telah memperolehi pengalaman yang berharga dan banyak ilmu berkaitan perkapalan, undang-undang serta operasi yang dijalankan di jabatan hasil daripada Latihan Industri ini.

Di kesempatan ini juga, pelatih ingin menyatakan penghargaan kepada En Mohd Rizal b. Ismail selaku penyelia Latihan Industri yang telah banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar sepanjang pelatih menjalani

latihan sehingga proses menyiapkan laporan akhir. Tidak lupa juga kepada Cik Wan Mariam bt. Wan Abdullah dan Puan Azura bt. Wan Mamat yang telah banyak membantu menguruskan proses bagi mendapatkan tempat untuk menjalani Latihan Industri.

Di samping itu, pelatih juga sangat menghargai jasa Encik Kamarulzaman b. Abdullah kerana sudi membantu mendapatkan tempat tinggal di kawasan Latihan Industri. Ini kerana pelatih tidak mahir selok belok keadaan, tempat dan suasana baru di kawasan tempat pelatih menjalani latihan. Ini sedikit sebanyak telah membantu pelatih meringankan masalah tempat tinggal. Tidak lupa juga kepada kawan-kawan seperjuangan yang bersama-sama menjalani latihan di tempat yang sama terutama sekali saudari Nazima binti Kamarulzaman yang banyak memberi bantuan dan sokongan moral sepanjang tempoh Latihan Industri. Tidak dinafikan pelatih telah mengalami pelbagai masalah dan tekanan di awal Program Latihan Industri ini.

Syukur alhamdulillah , segalanya telah berjalan lancar sehingga pelatih menamatkan latihan hasil sokongan daripada semua pihak. Pelatih berharap agar program Latihan Industri ini dapat membantu pelatih mengharungi alam pekerjaan sebenar kelak dan menunjukkan kebolehan diri dalam pekerjaan dan mendapat pekerjaan apabila bergraduat nanti.

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iv
Senarai Rajah	vi
Ringkasan Eksekutif	v
Bab 1	
Pengenalan	1
Latar belakang Jabatan Laut	1-2
Piagam Pelanggan	3-7
Tawaran Perkhidmatan	8-11
Maklumat Pejabat Pelabuhan Pulau Pinang	12-13
Carta Organisasi	14
Aktiviti Organisasi	15-17
Proses-proses kerja di Pejabat Pelabuhan	18-22
Bab 2	
Mengesan sistem sedia ada, pengenalpastian masalah Dan cadangan penyelesaian	
Sistem Kad Pelaut	23-27
Sistem Artikel Anak Kapal	27-30
Sistem Pelepasan Pelabuhan	30-32
Bab 3	
Cadangan keseluruhan dan penutup laporan	33-34

Rujukan	35
Lampiran	36

SENARAI RAJAH

Rajah 1 : Logo Jabatan Laut	3
Rajah 2 : Rumah api Muka Head	5
Rajah 3 : Rumah api Pulau Undan	6
Rajah 4 : Rumah api One Fathom Bank	6
Rajah 5 : Rumah api Cape Rachado	7
Rajah 6 : Carta Organisasi Pejabat Pelabuhan	14
Rajah 7 : Carta alir Kad Pelaut	24

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 : Senarai Anak Kapal

Lampiran 2 : *International Load Line Certificate*

Lampiran 3 : *Cargo Ship Safety Equipment Certificate*

Lampiran 4 : *Minimum Safe Manning Certificate*

Lampiran 5 : *International Oil Pollution Prevention Certificate*

Lampiran 6 : Buku Pelaut

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) menerusi Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) merupakan salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang telah mewujudkan Program Latihan Industri. . Ia merupakan satu program yang berguna bertujuan mendedahkan pelatih serta memberi mereka peluang untuk menimba pengalaman dalam dunia pekerjaan yang sebenar. Selain itu, pelatih mampu menguji kebolehan diri dengan mengaplikasikan ilmu dan teori yang telah diperolehi dalam pembelajaran di kuliah. Pelatih menjalani latihan selama 12 minggu di Pejabat Pelabuhan Pulau Pinang yang menguruskan tentang Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan (HEPP). Sepanjang menjalani latihan, pelatih lebih didedahkan kepada hal-hal berkaitan kebijakan pelaut dan perkhidmatan pelabuhan dan berada di bawah bimbingan En. Roslan Ismail selaku Penolong Pegawai Laut di situ. Selain itu, pelatih telah didedahkan tentang fungsi kad dan buku pelaut, sijil-sijil dan dokumen keselamatan kapal yang diperlukan. Pada kebiasaan agen kapal menjadi perantara untuk berurusan di Pejabat Pelabuhan bagi menguruskan keperluan kapal serta pelaut. Sejak dengan perkembangan teknologi maklumat, urusan-urusan yang dilakukan yang melibatkan maklumat pelaut dan kapal turut disimpan dalam sistem maklumat berkomputer yang telah diselaraskan antara semua Jabatan Laut selain daripada kaedah manual. Pelatih turut dibawa mengikuti para pegawai untuk melakukan ‘Port State Control’ seterusnya berpeluang menaiki beberapa tanker serta ‘cruise’. Di samping itu, pelatih juga berpeluang pergi ke rumah api untuk memeriksa tahap penyelengaraan. Dengan tugas yang diamanahkan pelatih dapat melihat dan mengetahui keadaan keselamatan sesbuah feri serta lebih memahami fungsi sebenar Jabatan Laut. Bagi lebih memahami urusan kerja di Pejabat Pelabuhan, pelatih turut ditugaskan di kaunter perkhidmatan untuk menerima permohonan pelaut bagi sesuatu urusan serta mempelajari hal-hal yang melibatkan agen kapal seperti permohonan pelepasan pelabuhan. Melalui tugas tersebut pelatih perlu sentiasa bersedia untuk berhadapan dengan ramai orang. Pada pendapat pelatih, Program Latihan Industri ini telah banyak membantu untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan berhadapan dengan ramai orang secara profesional sekaligus dapat menyesuaikan diri dengan dunia pekerjaan yang sebenar. Berdasarkan pemerhatian, pelatih telah mengenalpasti masalah dan turut mencadangkan beberapa penyelesaian bagi menyelesaikan masalah yang timbul. Secara keseluruhannya pelatih berharap hasil penemuan pelatih serta cadangan yang diberikan akan dapat membantu pihak Pejabat Pelabuhan Pulau Pinang menguruskan sistem kerja dengan lebih efektif lagi.